

Najib diminta beri penjelasan kenyataan kelirukan Dewan Rakyat

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak diminta memberi penjelasan kepada Dewan Rakyat pada Rabu ini berhubung kenyataan Ahli Parlimen Pekan itu ketika perbahasan minggu lepas yang dikata mengelirukan dewan.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Azizan Harun berkata, beliau telah menulis surat kepada Najib bagi mendapatkan penjelasan mengenai perkara itu dan meminta bekas Perdana Menteri itu memberi kenyataan.

“Saya telah menulis kepada YB (Yang Berhormat) Pekan untuk minta penjelasan, serta YB Menteri Kewangan tentang apa yang beliau katakan tempoh hari dan saya sedang menunggu jawapan.

“Saya meminta beliau (Najib) beri penjelasan hari Rabu ini, tapi saya tidak taulah

beliau dapat (atau tidak) beri penjelasan hari itu, saya tidak tahu,” katanya.

Azhar berkata demikian bagi menjawab pertanyaan **RSN Rayer (DAP-Jelutong)** yang bangun pada sesi perbahasan Titah Diraja Persidangan Dewan Rakyat di sini pada Isnin untuk meminta maklum balas mengenai usul **Tony Pua (PH-Damansara)** yang mahu Najib dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (12) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Tony Pua menghantar usul itu berikutan ucapan Najib dalam Dewan Rakyat pada 2 Mac dikatakan mengandungi kenyataan-kenyataan yang mengelirukan dewan berkaitan isu hutang IMDB dan boleh disifatkan sebagai menghina majlis.

- *Bernama*